

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18/6/2013

Tebusan: Kuasa besar restui tindakan Israel

u M - 18/6/2013

PUTRAJAYA 17 Jun - Kuasa-kuasa besar yang berhujah tentang pemerintahan mengikut undang-undang telah menghalalkan tindakan Israel memenjara rakyat Palestin dan menjadikan mereka sebagai tebusan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, melalui restu daripada kuasa besar, Israel kini menjadi satu-satunya bangsa dunia yang menangkap rakyat musuh dan 'menyimpan' mereka sebagai pertukaran sekiranya tentera Yahudi ditahan di Palestin kelak.


"Beratus banduan Palestin yang ditangkap seterusnya akan digunakan sebagai pertukaran untuk seorang askar Israel yang ditahan.

"Tiada bangsa lain membuat demikian melainkan Israel. Ia dilakukan dengan restu kuasa besar, negara yang cakap banyak tentang keadilan dan pemerintahan ikut undang-undang," katanya berucap dalam majlis pelancaran buku *The Prisoners' Diaries* yang disunting oleh Puan Sri Norma Hashim di sini hari ini.

Buku setebal 125 muka surat dan dihasilkan Viva Palestina Malaysia dengan kerjasama Pusat Pengajian Pembangunan dan Politik di Gaza itu menceritakan pengalaman banduan-banduan Palestin dikurung dan diselesaikan di penjara Israel.

Dr. Mahathir berkata, buku tersebut wajar dibaca oleh semua orang terutamanya pada ketika media tempatan tidak banyak melapor keadaan sebenar di Palestin.

"Media tidak banyak melapor tentang ketidakadilan yang dilakukan Israel, seolah-olah kita bosan



DR. MAHATHIR Mohamed bersama Norma Hashim (kanan) dan Pengerusi Pusat Pengajian Pembangunan dan Politik di Gaza, Dr. Mahmoud M. Alhirthani (kiri) menunjukkan buku *The Prisoners' Diaries* selepas majlis pelancaran buku tersebut di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/HANAFI KHAMIS

tentang isu ini atau menganggap ia perkara tidak penting.

"Kita lebih pentingkan soal dakwat tak lekat dan sebagainya, pada

hal beribu orang kena tahan selama berpuluh tahun serta menunggu masa untuk ditebus balik," katanya.

Beliau berkata, Israel se-

akan-akan boleh melakukan apa sahaja termasuk melancarkan serangan di perairan antarabangsa dengan memberi alasan bahawa ia bertin-

dad atas kepentingan keselamatan. "Semua pasal keselamatan Israel, seakan-akan keselamatan orang lain tak penting," katanya.